

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : **LISAN**
- DARIPADA** : **Tuan Anuar bin Abd Manap [Sekijang]**
- TARIKH** : **17 JUN 2014 (Selasa)**
- SOALAN** : **Tuan Anuar bin Abd Manap [Sekijang] minta**
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan
- (a) Berapakah jumlah kuota daging diperuntukkan berbanding permintaan pengguna menjelang musim perayaan dan;
 - (b) Adakah Kerajaan dapat menjamin bahawa harga daging tidak akan naik menjelang musim perayaan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) tidak mengawal kuota daging meskipun permintaan pengguna berubah mengikut musim. Namun begitu melalui pengiraan unjuran permintaan pada musim-musim perayaan terdahulu, MOA melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sentiasa memantau bekalan daging lembu pada musim-musim seperti ini bagi memastikan bekalan stok daging yang mencukupi dikeluarkan bagi menampung keperluan dan permintaan penduduk.

MOA akan memastikan agar bekalan daging di dalam negara dapat ditingkatkan pada musim-musim perayaan melalui peningkatan pengeluaran daging tempatan dan pengimportan daging dari negara-negara lain. Dengan ini adalah diharapkan bekalan daging untuk musim perayaan akan dapat memenuhi keperluan pada harga yang munasabah dan berpatutan. Sebagai perbandingan, purata harga daging di negara lain adalah Indonesia RM35/kg; Thailand RM30/kg dan China RM40/kg.

MOA juga telah mengambil langkah awal bagi meningkatkan pengeluaran daging dalam negara dengan membenarkan pengimportan daging dari Kemboja, Myanmar, Pakistan dan Brazil sebagai tambahan kepada pengimportan daging dari negara pengeksport sedia ada.